

13 AUG 1999  
PELUANG-AFRIKA  
REBUT PELUANG DI AFRIKA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Ahli perniagaan Malaysia seharusnya merebut peluang yang ada di benua Afrika kerana benua tersebut pastinya akan menjadi pusat pertumbuhan pada alaf akan datang, kata pengerusi Malaysian South-South Corporation (MASSCORP) Tan Sri Azman Hashim.

Dalam ucaptamanya di Bengkel Kebangsaan Malaysia yang diadakan di sini, katanya ini akan meningkatkan persaingan perniagaan Malaysia di pasaran global dengan berkembang ke dalam pasaran strategik yang baru ini.

Memandangkan potensi perniagaan yang begitu luas serta tinjauan ekonomi yang menggalakkan di Afrika, beliau menggesa ahli perniagaan Malaysia supaya menghadiri Forum Perniagaan Afrika-Asia (AABF) yang akan diadakan di Palace of Golden Horses dari 25 Okt hingga 29 Okt ini.

Sementara itu, pengurus program serantau Afrika bagi Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala Afrika (MIGA) Ken Kwaku, ketika menyampaikan ceramahnya berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah orang yang bertanggungjawab membantu rakyat Malaysia melabur di Afrika.

"Tidak syak lagi ahli-ahli perniagaan Malaysia merupakan perintis di Afrika mengikut wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Malaysia kini pelabur ketiga terbesar di Afrika, katanya sambil menambah bahawa meskipun kemelesetan ekonomi sedang melanda namun pelabur-pelabur Malaysia masih berminat menanam modal di Afrika.

Beliau menjangkakan ekonomi Afrika akan berkembang antara tujuh dan lapan peratus setahun dan penduduknya akan berlipat ganda kepada 1.12 bilion orang dalam 30 tahun akan datang.

AABF adalah anjuran bersama Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) dengan kerajjasama kerajaan Malaysia, MIGA dari kumpulan Bank Dunia dan MASSCORP.

Kira-kira 300 usahawan dan pembuat keputusan daripada kira-kira 30 negara Afrika dan Asia dijangka menghadiri acara lima hari itu.

Para peserta yang dipilih sebahagian besarnya dari industri berasaskan pertanian, bahan pembinaan, bahan pembungkusan, makanan dan pembuatan, khidmat telekomunikasi/eletronik dan kejuruteraan.

Untuk membantu para peserta memahami undang-undang serta peraturan-peraturan pelaburan yang perbeza-beza dari sebuah negara ke sebuah negara, beberapa klinik perniagaan akan diatur secara peribadi di forum tersebut.

Syarikat-syarikat Malaysia dan Afrika akan berpeluang mempamerkan produk serta perkhidmatan masing-masing di pameran sempena forum tersebut.

-- BERNAMA  
MFZ MA